

## MESTI BACA

### Pembuangan Bahan Sisa

1. Bahan sisa boleh dikelaskan kepada dua, iaitu:
  - (a) bahan yang boleh dibuang ke dalam singki termasuklah cecair atau larutan berkepekatan rendah seperti larutan neutral, asid dan alkali lemah.
  - (b) bahan yang tidak boleh dibuang ke dalam singki termasuklah sisa pepejal, logam berat, minyak, bahan kimia, bahan toksik
2. Sisa biologi boleh dikelaskan mengikut kategori:
  - (a) Kategori A: Peralatan tajam
  - (b) Kategori B: Pepejal tidak tajam
  - (c) Kategori C: Bangkai, organ
  - (d) Kategori D: Cecair badan
3. Antara langkah untuk menguruskan kemalangan di dalam makmal
  - (a) pasir - untuk menutup tumpahan bahan kimia
  - (b) serbuk sulfur - untuk menutup tumpahan merkuri

### TIP PENTING

1. Anda perlu mengetahui contoh bahan yang boleh dibuang ke dalam singki dan bahan yang tidak boleh dibuang ke dalam singki.
3. Anda juga perlu mengetahui kategori bahan sisa biologi di makmal.
4. Anda dapat menentukan bahan yang digunakan untuk menutup tumpahan bahan kimia atau tumpahan merkuri.

## JAWAB

### KERTAS 1

1. Antara bahan berikut, yang manakah tidak boleh dibuang ke dalam singki?  
A Larutan cuka  
B Logam berat  
C Air suling  
D Larutan garam
2. Mengapakah bahan yang mempunyai nilai pH lebih daripada 9 tidak boleh dibuang ke dalam singki?  
A Bahan mudah terbakar  
B Bahan yang berbau kuat  
C Bahan yang neutral  
D Bahan yang bersifat mengakis
3. Antara bahan berikut, yang manakah boleh dibuang ke dalam singki di dalam makmal?  
A Cat minyak  
B Larutan gula  
C Daun  
D Sebatian pelarut organik
4. Antara bahan sisa biologi berikut, yang manakah dikelaskan dalam kategori A?  
A Serum  
B Haiwan uji kaji  
C Sarung tangan  
D Jarum
5. Apakah kategori bahan sisa biologi bagi haiwan makmal?  
A Kategori A  
B Kategori B  
C Kategori C  
D Kategori D
6. Rajah di bawah menunjukkan satu bahan kimia yang tertumpah di atas meja.



Apakah bahan yang digunakan untuk menutup bahan kimia itu?

- A Serbuk sulfur
- B Asid sulfurik
- C Air suling
- D Pasir